

02 MAY 2003

PERDANA MENTERI PULANG KE TANAH AIR

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air petang ini dari London setelah bercuti selama dua bulan di luar negara sejak awal Mac lalu.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dengan pesawat MAS bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menurut kenyataan pejabat Setiausaha Akhbar Perdana Menteri.

Ketibaan mereka di lapangan terbang disambut oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir akan kembali bertugas pada Isnin, 5 Mei.

-- BERNAMA

KHY KHY RON